

Program Disability Equality Training (DET) - sokongan kepada masyarakat

- 1 DET merupakan satu proses yang memberi pendedahan kepada peserta tentang isu diskriminasi OKU untuk mengubah dasar, amalan dan tingkahlaku mereka
- 2 DET dibangunkan dan disampaikan oleh OKU yang mempunyai pengalaman didiskriminasi
- 3 Memahami dan mampu membezakan terma ketidakupayaan dengan kecacatan
- 4 Memahami punca yang menjadi penyebab timbulnya isu ketidakupayaan
- 5 Membuat perancangan dan tindakan untuk membolehkan OKU turut serta dalam masyarakat

Apakah Matlamat DET?

Mencetus tindakan ke arah membentuk masyarakat yang mengiktiraf hak, peluang dan pilihan OKU untuk melibatkan diri dalam masyarakat secara berkesan



Apakah Objektif DET?

- 1 Memahami dan mampu membezakan terma ketidakupayaan dengan kecacatan
- 2 Memahami punca yang menjadi penyebab timbulnya isu ketidakupayaan
- 3 Membuat perancangan dan tindakan untuk membolehkan OKU turut serta dalam masyarakat

DET untuk Siapa?

- DET relevan untuk semua lapisan masyarakat
- Peserta boleh terdiri daripada OKU maupun bukan OKU
- Latihan ini sesuai dihadiri oleh majikan, pemimpin masyarakat, komuniti, NGO, PBT yang sentiasa berurusan atau menyediakan perkhidmatan kepada OKU



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
Aras 6, 9-18, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya
Tel: +603 8323 1656 / +603 8323 1658
Faks: +603 8323 2045

facebook.com/pages/JKMHQ
twitter@JKMHQ
instagram@jkmhq
15999 TALIAN Kasih



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM PERKHIDMATAN **JOB COACH**

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Apakah itu Perkhidmatan Job Coach?

Menggalakkan dan menyokong OKU untuk kekal dalam pasaran pekerjaan terbuka. Semua kategori OKU adalah layak untuk mendapat perkhidmatan Job Coach

Siapa Job Coach?

- Individu yang berpengalaman dalam memberi sokongan kepada OKU
- Telah menghadiri Kursus Asas Job Coach
- Menjadi penghubung antara OKU dan Majikan

Dimanakah Perkhidmatan Job Coach disediakan?

- Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian
- Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi
- Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)
- Badan Bukan Kerajaan (NGO)



Apakah Peranan Job Coach?

1 PENILAIAN OKU

Membuat penilaian dan memahami keadaan OKU

2 PENILAIAN TEMPAT KERJA

Membuat penilaian persekitaran tempat kerja

3 PEMADANAN KERJA (JOB MATCHING)

Mengubah keadaan kerja dan menyusun semula tugas-tugas yang bersesuaian dengan OKU atas kebenaran majikan

4 SOKONGAN INTENSIF

Menyediakan sokongan untuk OKU dan majikan di tempat kerja

5 SOKONGAN SEMULAJADI (NATURAL SUPPORT)

Mewujudkan sokongan rakan sekerja OKU untuk mengurangkan sokongan Job Coach secara beransur-ansur

6 TINDAKAN SUSULAN (FOLLOW-UP)

Sokongan berkala untuk mengekalkan OKU dalam pekerjaan



Apakah Keistimewaan kepada majikan?

1

Potongan bagi Menggaji Orang Kurang Upaya (Rules 1982) / Potongan Tambahan atau Lanjutan (P.U(A)73/1982)t

2

Potongan Berganda (Double Deduction) P.U.(A) 61/1992 Cukai Pendapatan (Potongan bagi Latihan yang diluluskan)

3

Potongan Tunggal/Khas (Single Deduction) iaitu potongan bagi pengubahsuaian bangunan atau keperluan alat sokongan OKU (Sub-Sek 34(6)(e) Akta Cukai Pendapatan 1967)

Apakah Keistimewaan OKU bekerja?

1

Elaun Pekerja Cacat - OKU bekerja dan berpendapatan di bawah RM 1200.00 sebulan

2

Potongan Cukai Individu – Potongan tambahan sebanyak RM 6000.00 (mengikut Perenggan 46(1)(e))